

# Khazanah yang tak didendang

**SPF Pasoh milik FRIM seluas 13,900 hektar mempunyai 25 peratus jenis pokok dari hutan negara**



TITIAN segi tiga setinggi 30 meter yang terdapat di Stesen Penyelidikan FRIM Hutan Simpan Pasoh.

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my  
**Jempol**

R amai tidak mengetahui Institut Penyeleidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mempunyai Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Pasoh yang beroperasi sejak 1971 dan berfungsi menjalankan aktiviti penyelidikan hutan.

Terletak di Hutan Simpan Pasoh (HSP) kira-kira lapan kilometer dari pekan Simpang Pertang, di sini, ia adalah stesen penyelidikan luar pertama daripada sembilan stesen penyelidikan FRIM di seluruh negara.

Pegawai Penyelidik yang juga Penyelaras Stesen Dr Christine Fletcher berkata,

SPF Pasoh dibangunkan untuk penyelidikan ekologi hutan tropika selain hasil kajian digunakan dalam pengurusan terutama bagi memulihara hutan hujan tropika.

Menurutnya, HSP berkeleluasan 13,900 hektar dengan 600 hektar adalah hutan asli yang dilarang untuk pembalakan selain 1,840 hektar diwartakan sebagai kawasan penyelidikan.

Sebanyak 380,000 pokok daripada 800 spesies direkodkan bagi kawasan seluas 50 hektar dengan saiz pokok antara satu sentimeter (sm) hingga 240sm.

"Selain itu, sebanyak 25

**“**SPF Pasoh sentiasa dikunjungi penyelidik luar terutama dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun”

**Dr Christine Fletcher**

peratus jenis pokok dari hutan di negara ini terdapat di HSP, jadi tidak hairanlah SPF Pasoh sentiasa dikunjungi penyelidik luar terutama dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun," katanya ketika ditemui di stesen berkenaan, baru-baru ini.

Dr Christine berkata, di stesen itu terdapat satu kawasan dikenali sebagai Arboretum Pasoh iaitu kemudahan penyelidikan dibina pada 1989 sebelum dinaik taraf lima tahun lalu.

"Arboretum berkeluasan 2.2 hektar itu mengandungi koleksi hidup tumbuhan berkayu sebanyak 874 pokok merangkumi 279 spesies pokok daripada 44 ke luarga pokok."

"Kita memiliki peta dan senarai nama semua spesies pokok ini berserta keterangan bagi 10 spesies paling banyak."

"Arboretum ini sesuai untuk tapak latihan pelajar botani dan sains gunaan serta pengunjung yang ber-

minat boleh mempelajari kepelbagaiannya pokok tempatan selain tempat program latihan dan aktiviti sekolah," katanya.

Menurutnya, di SPF Pasoh juga terdapat sebuah menara aloi kembar tiga dibina pada April 1992 hasil projek kerjasama FRIM dan Institut Kebangsaan Bagi Pengajian Alam Sekitar Jepun.

"Menara ini menyediakan kemudahan untuk kajian mikro iklim dan fisiologi seperti pemerhatian fenologi dan kajian fauna di pelbagai peringkat kanopi."

"Satu daripada menara berketinggian 30 meter itu dipanjangkan sehingga 52 meter, melebihi paras kanopi pokok dan hanya dibenarkan digunakan oleh penyelidik kerana menempatkan pelbagai peralatan mikrometeorologi yang sensitif," katanya.

Beliau berkata, pihaknya

mengalau-alukan kedudungan orang ramai yang berminat mengadakan aktiviti di sini seperti menyusuri denai alam sejauh 2.7 kilometer bagi melihat secara dekat keadaan hutan asli dan hutan regenerasi yang dimiliki oleh HSP.

"Kemudahan penginapan lengkap disediakan termasuk tapak perkhemahan dan permohonan perlu dibuat seminggu sebelum lawatan dengan menghantar surat ke pejabat kami," ka-

tanya.



**HARIMAU** kumbang antara haiwan yang dikesan menerusi kamera yang dipasang di Hutan Simpan Pasoh.

**Onking CHAIN STORE (M) SDN. BHD.**

**PHILIPS**

**PROMOSI HEBAT!**

**SEMPENA TAHUN BARU CINA**

**PHILIPS TV LED 50"**  
50PFT5109S

**PHILIPS TV LED 42"**  
42PFA4609

**PERCUMA HADIAH MISTERI**

**RCP : RM 2899**

**RM 2299**

**PERCUMA HADIAH MISTERI**

**RCP : RM 1699**

**RM 1399**

**PHILIPS TV LED 40"**  
40PFT5109S

**PHILIPS TV LED 32"**  
32PFA4509

**PERCUMA HADIAH MISTERI**

**RCP : RM 1599**

**RM 1299**

**PERCUMA HADIAH MISTERI**

**RCP : RM 899**

**RM 789**

Untuk Maklumat Lanjut Dan Pertanyaan,Sila Hubungi Kami Di Talian Tertera :

**Onking** CHAIN STORE (M) SDN. BHD. (331230-T)

USJ Taipan : 03-5632 7460 Kota Kemuning : 03-5121 0823 Bandar Puteri : 03-8065 2908  
Puchong Jaya : 03-8070 6808 Putra Heights : 03-5192 8616 Bangi : 03-8926 5808  
Bayu Klang : 03-3324 9498 Setia Alam : 03-3342 2484 Banting : 03-3187 2808

**Pembayaran ansuran 0% EzyPay dengan**

Dapatkan Warranti Tambahan Sehingga 5 tahun daripada Kami !

(\*)Tertakluk pada terma dan syarat